

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 MAC 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7

## Bumiputera perlu sertai bidang peralihan tenaga

# Bumiputera perlu sertai bidang peralihan tenaga

**Ambil peluang ceburi sektor baharu selari tekad transformasi ekonomi**

**Putrajaya:** Bumiputera perlu mengambil peluang dan didedahkan kepada sektor baharu seperti bidang peralihan tenaga, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadlillah Yusof.

Bekas Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), berkata langkah itu juga selari dengan Tekad Transformasi Ekonomi Bumiputera.

Justeru katanya, PETRA dalam langkah menggubal Rancangan Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga yang bertujuan mengawal selia kecekapan dan konservasi tenaga dalam sektor industri dan komersial.

Ini katanya, dijangka membuka 1,000 peluang pekerjaan baharu sebagai pengurus tenaga berdaftar dan jurawat tenaga berdaftar.

Pengukuasaan Akta itu juga katanya akan menggalakan pernafasan lebih banyak institusi latihan bagi melatih pengurus tenaga berdaftar dan jurawat tenaga berdaftar.

"Di samping itu, dalam memajukan usaha kerajaan untuk mencapai sasaran Pelan Peralihan Tenaga Kebangsaan, PETRA dengan kerjasama Suruhanjaya Tenaga dan pihak berkepentingan sedang membangunkan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara 2.0 (NERAP 2.0) bagi tempoh 2026 hingga 2035.

"NERAP 2.0 dijangka membuka lebih banyak peluang pekerjaan, potensi perniagaan dan peluang akan diwujudkan untuk manfaat rakyat dan negara," katanya dalam ucapan sempena Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB2024) di sini, semalam.

Fadlillah berkata, kerajaan telah melaksanakan Pelan Hala Tuju Perubahan Tenaga Negara (NETR) yang menggariskan usaha dan komitmen negara ke arah mencapai sistem tenaga yang mampan dan inklusif.

Bekas berkata, NETR membuktikan keazaman kerajaan dalam melaksanakan inisiatif peralihan tenaga daripada ekonomi berasaskan bahan api fosil tradisional kepada ekonomi hijau bernilai tinggi.

Ini juga akan memastikan transformasi ekonomi lestari ini

Fadlillah selaku moderator bersama ahli panel Diskusi MADANI 2: Mencipta Peluang Bumiputera dalam Peralihan Tenaga pada KEB2024 di Putrajaya, semalam.



**KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA**

solar lagi meningkatkan pembekalan tenaga elektrik hijau pada kos yang berpatutan.

Selain itu katanya, inisiatif lain adalah memanfaatkan tenaga buangan kesucian atau permukaan air untuk pemasangan sistem solar lagi menggunakan teknologi kepelbagaian sumber perkhidmatan tenaga iaitu daripada sumber bukan solar seperti biogas, bijelim dan hidro untuk menjamin sekuriti pembekalan elektrik.

"Kegiatan turut akan membangunkan program khusus untuk membolehkan capaian bekalan elektrik hijau oleh pengguna korporat bagi menarik serta menggalakan pelaburan bersih dan bernilai tinggi oleh syarikat Renewable Energy 100 (RE100).

"Kita juga perlu memajukan pembangunan sistem grid serantau di bawah inisiatif ASEAN Power Grid bagi membolehkan integrasi sumber perkhidmatan tenaga boleh baharu yang lebih tinggi melalui jaringan sistem grid di ASEAN," katanya.

**Pemilihan Sektor Tenaga**

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Tenaga Nasional Berhad, Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata akses kepada teknologi dan rantai bekalan perlu diberi tumpuan kerajaan ke arah melahirkan lebih banyak syarikat Bumiputera yang berupaya bersaing dalam bidang peralihan tenaga.

Bekas berkata ini penting berdasarkan pengalaman dihadapi mereka khususnya kontraktor Bumiputera ketika musim pandemik COVID-19 lalu.

"Selain pembiayaan, ada tiga perkara yang boleh kita tumpukan. Pertama akses kepada teknologi, ini penting terutama untuk syarikat Bumiputera dan industri tenaga.

"Kedua, akses kepada rantai bekalan. Kita lihat ketika COVID-19, berlaku gangguan dalam rantai ini dan banyak kontraktor Bumiputera tak dapat daya tahan.

"Jadi akses kepada rantai bekalan ini penting," katanya pada sesi Diskusi MADANI 2: Mencipta Peluang Bumiputera dalam Peralihan Tenaga sempena KEB2024.

Megat Jalaluddin berkata, kerajaan juga perlu memberi tumpuan sektor pembuatan negara, memulau pengaliran satu polisi yang dapat melindungi industri ini.

"Ini cabaran besar bagaimana nak sistem sokongan yang perlu ada dalam sektor pembuatan tempatan. Pasaran pembuatan ini mendapat saingan hebat dari China.

"Kalau kita tak bentuk sesuatu dasar yang boleh memastikan industri pembuatan tempatan yang baik kemungkinan besar kita akan hilang kepada syarikat antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), Tan Sri Tengku Muhammad Fauzi Tengku Razali Hamzah, berkata inisiatif kewangan perlu menyokong sektor peralihan tenaga bagi membolehkan lebih ramai penyertaan termasuk daripada pemain dan syarikat Bumiputera.

"Satu ekosistem diwujudkan di mana perlu kerjasama untuk menjamin kecekapan kewangan. Kita harus bertukar pandangan kepada institusi kewangan apa selera mereka untuk ambil pembiayaan dalam peralihan tenaga baharu.

"Dalam menjayakan semua usaha ini, institusi kewangan dapat menyumbang dengan baik untuk membiayainya," katanya turut memohonkan industri minyak dan gas tetap relevan barupun dunia kini mula beralih ke arah peralihan tenaga.